



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DAN
STRATEGI DAYA TINDAK DENGAN
TEKANAN DALAM KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT
ALIRAN SAINS DI
DAERAH SETIU**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI NOOR ATIQA BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI DAN STRATEGI DAYA TINDAK DENGAN
TEKANAN DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN
EMPAT ALIRAN SAINS DI DAERAH SETIU**

SITI NOOR ATIQA BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
ايريس سلطان ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09.....(hari bulan).....12..... (bulan) 20 21.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI NOOR ATIQAH BINTI ABDULLAH, M20172001607, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan antara Personaliti dan Strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan Pelajar tingkatan empat aliran sains di daerah Setiu.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Mohd Razimi Bin Husin (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan antara Personaliti dan Strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan Pelajar tingkatan empat aliran sains di daerah Setiu.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15/12/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Hubungan antara Personaliti dan Strategi daya tindak
dengan tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan empat diarah
sains di daerah Setiu.

No. Matrik / Matric's No.: M20172001607

Saya / I: SITI NOOR ATIQAH QINTI ABDULLAH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15/12/2021


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. MOHD RAZIMI BIN HUSIN
Pensyarah Kanan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah tanda syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya memberi kekuatan untuk saya menyiapkan tugas dan amanah yang diberikan. Pujian istimewa kepada penyelia saya iaitu Dr. Razimi bin Husin yang banyak memberi bimbingan, nasihat, teguran mahupun kritikan yang sangat membantu saya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan istimewa buat ayahanda (Abdullah bin Ismail) dan bonda (Sidah binti Drahman) yang memberikan dorongan serta sokongan yang tidak pernah putus sepanjang pengajian. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan dari segi mental mahupun fizikal dan membantu adik bongsumu ini dari aspek kewangan. Jasa kalian sangat saya hargai.

Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan seperjuangan saya Nur Hazlinda dan Nuramin yang banyak membantu pembelajaran sepanjang pengajian memberi sokongan mental menasihati saya agar tidak berputus asa dan meneruskan pengajian sehingga ke penamat. Tidak lupa juga jutaan terima kasih buat Haffiz Hedzir yang tidak pernah mengeluh bahkan sentiasa sabar melayan karenah serta banyak memberi sokongan dalam pelbagai aspek. Jasa kalian tidak dapat dilupakan. Semoga ukhuwah ini terbina dengan keikhlasan dan berakhir hingga ke Jannah. In shaa Allah.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan sekolah-sekolah yang terlibat membantu memudahkan urusan dengan memberikan kebenaran dan membantu sepanjang proses edaran soal selidik kepada murid secara suka rela. Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah- pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang sudi membantu dan memberi kerjasama yang baik dalam proses pengesahan soal selidik bagi kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada sesiapa yang berkenaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jutaan terima kasih ditujukan khas buat anak-anak saudara saya yang sentiasa menjadi penghibur secara tidak langsung memberikan motivasi untuk sentiasa menjadi individu yang positif.

Sekian, Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains di sekolah menengah harian di daerah Setiu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul data. Seramai 92 orang responden telah dipilih. Data kajian diambil menggunakan empat bahagian soal selidik iaitu Demografi, Personaliti *Big Five*, Strategi Daya Tindak dan Item *Perceived Stress Scale* (PSS-10). Data kajian dianalisis menggunakan IBM SPSS dan di analisis secara deskriptif, analisis korelasi dan ujian t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap tekanan responden berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam kalangan murid lelaki dan perempuan. Manakala, dapatan ujian analisis korelasi telah mendapati bahawa tidak terdapat hubungan antara personaliti dengan tekanan dalam kalangan murid bersamaan nilai $r = .175$ dan aras kebarangkalian pula adalah $p = .094$. Terdapat hubungan signifikan antara strategi data tindak dengan tekanan dalam kalangan murid dengan nilai korelasi adalah nilai $r = .366^{**}$ dan aras kebarangkalian pula adalah $p = .001$. Dengan demikian, beberapa langkah pencegahan perlu diambil bagi membentuk generasi pemimpin negara dengan perwatakan positif dan berdaya tahan tinggi terhadap apa jua cabaran. Semua pihak perlulah peka dan memainkan peranan yang sewajarnya dalam mendedahkan isu-isu semasa berkaitan tekanan dan kesan tekanan agar dapat membantu pelajar berdaya tindak menguruskan tekanan mereka dengan baik. Strategi daya tindak adalah suatu kemahiran yang boleh dipelajari dan diperbaiki dengan pelbagai alternatif yang bersesuaian bagi mempertingkatkan strategi daya tindak semua murid. Kajian ini menyediakan maklumat kepada pelbagai pihak terutamanya murid, ibubapa, guru-guru, pengkaji mahupun pihak berwajib berkenaan personaliti murid dan kepentingan penggunaan kemahiran strategi daya tindak dalam menghadapi tekanan supaya dapat mengurangkan tahap tekanan yang dialami.





RELATIONSHIP BETWEEN PERSONALITY AND COPING STRATEGY WITH STRESS AMONG FORM FOUR SCIENCE STREAM STUDENTS IN SETIU DISTRICT.

ABSTRACT

The aim of this study was to examine whether there was a correlation between personality and coping strategies with stress among Form Four science stream students at national secondary schools in Setiu district. Quantitative approach was applied as the research design, and questionnaires were used to collect data. 92 respondents were selected and the data were collected using a four-part questionnaire which were Demographics, Big Five Personality, Coping Strategies and Item Perceived Stress Scale (PSS-10). The data were analyzed using IBM SPSS and descriptive analysis, correlation and t-test. The results showed that the stress levels were at a moderate. In addition, there was a significant difference between male and female students. Meanwhile, the correlation analysis test showed that there was no relationship between personality and stress among students with a value of $r = .175$ and the probability level was $p = .094$. There was a significant relationship between action data strategy with stress among students with the correlation value $r = .366^{**}$ and the probability level $p = .001$. Thus, several precautionary measures need to be taken to form a generation of national leaders with positive character and high resilience to any challenge. All parties need to play an appropriate role in exposing current issues related to stress and the effects of stress in order to help students to manage their stress resiliently. Coping strategy is a skill that can be learned and improved with a variety of appropriate alternatives to enhance the coping strategy of all students. This study provides information to various parties, especially students, parents, teachers, researchers and authorities on the personality of students and the importance of coping strategy skills to cope with stress in order to reduce the level of stress experienced.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTARCT	vi
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	13



1.8	Definisi Secara Konseptual dan Operasional	14
1.8.1	Definisi Personaliti Secara Konseptual	14
1.8.2	Definisi Personaliti Secara Operasional	15
1.8.3	Definisi Strategi Daya Tindak Secara Konseptual	16
1.8.4	Definisi Strategi Daya Tindak Secara Operasional	16
1.8.5	Definisi Tekanan Secara Konseptual	17
1.8.6	Definisi Tekanan Secara Operasional	17
1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Batasan Kajian	20
1.11	Rumusan	21

BAB 2 TINJAUN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Pendekatan Teori	23
2.2.1	Teori Personaliti Big Five Goldberg (1992)	23
2.2.1.1	Openness to Experience	24
2.2.1.2	Conscientiousness	24
2.2.1.3	Extraversion	24
2.2.1.4	Agreeableness	25
2.2.1.5	Neuroticism	25
2.2.2	Teori Strategi Daya Tindak	26
2.2.3	Teori Tekanan	28
2.3	Kajian- Kajian Lepas	32
2.3.1	Personaliti	32
2.3.2	Strategi Daya Tindak	40
2.3.3	Tekanan	47
2.4	Rumusan	58

BAB 3 METOD KAJIAN

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Lokasi Kajian	62
3.4	Subjek Kajian	63
3.4.1	Populasi Kajian	63
3.4.2	Sampel Kajian	64
3.5	Instrumen Kajian	65
3.5.1	Bahagian A: Maklumat Demografi	65
3.5.2	Bahagian B: Personaliti Big Five Inventory (BFI)	66
3.5.3	Bahagian C: Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT)	68
3.5.4	Bahagian D: 10-Item Perceived Stress Scale (PSS-10)	71
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	73
3.7	Kajian Rintis	75
3.8	Tatacara Kajian	78
3.9	Analisis Data	79
3.9.1	Jadual Analisis Data	80
3.10	Rumusan	86

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	87
4.2	Analisis Deskriptif	88
4.2.1	Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina	88
4.3	Analisis Min Tahap Tekanan	90
4.3.1	Analisis deskriptif tahap tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kabangsaan di daerah Setiu.	90
4.4	Analisis Inferensi	97
4.4.1	Ujian T Analisis	98
4.4.2	Analisis Korelasi	99



4.4.2.1	Hipotesis kedua : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	99
4.4.2.2	Hipotesis ketiga : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	100
4.5	Ringkasan Dapatan Kajian	102
4.6	Rumusan	104

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	106
5.2	Ringkasan Kajian	107
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	108
5.3.1	Profil Demografi	108
5.3.2	Perbincangan Analisis deskriptif tahap tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	109
5.3.3	Pengujian Hipotesis	114
5.3.3.1	Hipotesis Pertama : Tidak terdapat perbezaan strategi daya tindak mengikut jantina dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	114
5.3.3.2	Hipotesis kedua : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	116
5.3.3.3	Hipotesis ketiga : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	119





5.4	Implikasi Kajian	122
5.5	Masalah/Limitasi Kajian	126
5.6	Saranan Kajian	128
5.7	Rumusan	130
RUJUKAN		134

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
3.1 Bilangan sekolah dan murid	63
3.2 Taburan nombor item <i>The Big Five Inventory</i> mengikut sub skala dan item positif-negatif	67
3.3 Kaedah Pemarkatan <i>The Big Five Inventory</i>	68
3.4 Sub Skala Inventori Strategi Daya Tindak (ISDT)	69
3.5 Skor skala likert Strategi Daya Tindak	70
3.6 Skor Pemarkatan Strategi Daya Tindak	70
3.7 Skala Likert: <i>10-Item Perceived Stress Scale</i>	72
3.8 Skor Tahap Tekanan	73
3.9 Nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik	77
3.10 Pengujian Statistik Bagi Menjawab Objektif dan Persoalan Kajian	81
3.11 Pengujian Statistik Bagi Menjawab Hipotesis Kajian	82
3.12 Interpretasi skor min item positif terhadap tahap tekanan dalam kalangan murid	84
3.13 Interpretasi skor min item negatif terhadap tahap tekanan dalam kalangan murid	85
4.1 Taburan frekuensi responden kajian berdasarkan jantina	89

4.2	Nilai min skala, tahap tekanan dan interpretasi tahap tekanan item positif dalam kalangan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.	91
4.3	Nilai min skala, tahap tekanan dan interpretasi tahap tekanan item negatif	93
4.4	Perbezaan Strategi Daya Tindak mengikut Jantina	98
4.5	Hubungan antara personaliti dengan tekanan	99
4.6	Hubungan antara strategi daya tindak dengan tekanan	101
4.7	Ringkasan Dapatan Kajian	102



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

13

2.1 Model Lima Faktor

26





SENARAI SINGKATAN

ACS	- <i>The Adolescent Coping Scale</i>
BDI-II	- <i>Beck Depression Index-II</i>
BFI	- <i>Big Five Inventory</i>
CSI	- <i>Coping Strategy Indicator</i>
CSI-S	- <i>Coping Strategy Inventory Scale</i>
CISS-SF	- <i>Coping Inventory for Stressful Situations-Short Form</i>
GHQ 12	- <i>General Health Questionnaire</i>
ISDT	- <i>Inventori Strategi Daya Tindak</i>
KKM	- <i>Kementerian Kesihatan Malaysia</i>
KPM	- <i>Kementerian Pelajaran Malaysia</i>
LPI	- <i>Leonard Personality Inventory</i>
MPA	- <i>Persatuan Psikiatri Malaysia</i>
NHMS	- <i>National Health and Morbidity Survey</i>
PSS	- <i>Perceived Stress Scale</i>
SLSI	- <i>Student Life Stress Inventory</i>
SMK	- <i>Sekolah Menengah Kebangsaan</i>
SSEIT	- <i>The Schutte Self-Report Emotional Intelligence Test</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik
- B Surat Kesahan Pakar
- C *Output* SPSS
- D Surat kebenaran menjalankan kajian di luar kawasan universiti
(Institusi Pengajian Siswazah)
- E Surat kebenaran menjalankan kajian di Sekolah
(Kementerian Pelajaran Malaysia)
- F Surat kebenaran menjalankan kajian di Sekolah
(Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu)



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan tentang beberapa perkara yang dibincangkan oleh pengkaji. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah latar belakang, permasalahan kajian, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka operasional, takrifan operasional dan konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan kesimpulan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era kemodenan ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan dan kemajuan pesat teknologi cabaran utama dalam dunia pendidikan adalah untuk melahirkan murid yang bersedia dalam melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran serta memiliki personaliti yang sesuai dengan ciri-ciri seorang murid cemerlang. Seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN), yang ingin memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan berterusan. Disamping bertahan erat bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari pelbagai aspek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan dan agama. Tambahan lagi, falsafah ini juga dijadikan panduan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kumpulan murid merupakan pewaris yang bakal menentukan hala tuju masa depan negara. Golongan ini merupakan satu pengaruh yang besar terhadap keadaan ekonomi, sosial dan politik kerana golongan ini bakal menjadi pemimpin bagi generasi di masa hadapan. Oleh yang demikian, pembentukan identiti dan personaliti harus difokuskan agar dapat dibentuk menjadi manusia yang tinggi nilainya dengan memiliki perwatakan yang cemerlang dengan minda kelas pertama. Permasalahan berkenaan personaliti merupakan tunjang utama dalam perkembangan remaja.



Berdasarkan laporan *World Health Organization* (WHO), remaja merupakan individu yang berumur 10 hingga 19 tahun. Alam remaja merupakan masa peralihan menjurus kepada persediaan seseorang dalam melangkah ke alam kedewasaan bagi menempuh dunia masyarakat dan alam sekeliling. Ianya juga merupakan peringkat bagi peralihan dua zaman iaitu zaman kanak-kanak dan zaman dewasa yang merangkumi pelbagai perubahan dalam hidup seperti perubahan psikologi, biologi, ekonomi dan sosial (Amita, 2018).



Zulelawati dan Yusni (2015) mentakrifkan personaliti adalah perwatakan, sifat, keperibadian dan sahsiah yang dimiliki oleh seseorang individu. Peringkat remaja merupakan zaman yang sangat mencabar dengan risiko perubahan dari aspek biologi, biologi, psikologi dan sosial. Mereka akan merasai kelainan dari segi bentuk tubuh dan rupa paras, misalnya pertumbuhan rambut-rambut halus menyerupai misai pada bibir remaja lelaki beserta garaunya suara percakapan mereka. Perkembangan payu dara serta bermulanya pendarahan haid pula berpotensi mencetuskan kerisauan kepada golongan remaja perempuan. Perubahan seumpama ini turut menimbulkan tekanan kepada remaja sekiranya mereka tidak berkemampuan untuk menerima perubahan tersebut. (Fariza & Azyyati, 2015).

Akibat daripada tekanan dan ketegangan emosi ini, remaja mempamerkan perlakuan yang agresif, perlakuan memberontak, menunjukkan perasaan marah yang tidak dapat ditangani dan keterlibatan diri dengan masalah sosial. Dengan demikian, bagi





menyamai perubahan-perubahan ini, golongan remaja sering menghadapi kemelut dan konflik. Dengan demikian, terjadilah pergolakkan dan tekanan emosi dalam diri murid remaja ini. Ketika peringkat ini juga, berlaku krisis identiti dalam kalangan remaja. Apabila seseorang itu mula meninggalkan alam remaja dan mengorak langkah ke alam dewasa, krisis identiti boleh bertukar menjadi konflik jiwa. Kajian oleh Dzharil dan Raudhiah (2017) menyatakan faktor personaliti murid merupakan salah satu punca dan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik. Ini jelas menunjukkan personaliti yang positif haruslah dimiliki oleh murid untuk meningkatkan pencapaian akademik.



Tambahan lagi, Alimuddin Mohd Dom yang merupakan Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad telah menyenaraikan lima punca yang boleh mengundang tekanan mental murid tingkatan empat. Punca pertama adalah berlakunya transformasi sahsiah semasa menempuh fasa peralihan daripada meniti dunia kanak-kanak kepada dunia remaja. Kedua, mencari idealisme bersandarkan perilaku yang mereka minati. Seterusnya, punca ketiga adalah bersungguh-sungguh membuat persediaan peperiksaan SPM. Keempat, tekanan yang datang daripada ibu bapa dan guru agar lebih maju dalam pelajaran. Punca kelima adalah cabaran dalam menentukan kawan-kawan yang sesuai dgn diri mereka (Astro Awani, 10 November 2017).

Kajian Ferlis Bullare, Rosnah Ismail, Lailawati Madlan dan Surianti Lajuma (2015) mendapati tekanan murid bersangkut-paut dengan sumber tekanan daripada rakan seperti tidak disukai, tidak dipedulikan dan tidak memberi pertolongan dan sokongan,



kehilangan teman rapat dan dikritik secara berterusan. Keadaan ini seperti ini turut mendatangkan tekanan dalam kalangan murid remaja. Kumar dan Bhukar (2013) dalam kajiannya menerangkan wujudnya perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan murid mengikut jantina. Kesannya, remaja ini perlu diberikan bimbingan dan nasihat pada peringkat awal, supaya mereka tidak terjebak dengan perkara yang lebih rumit yang memberi tekanan yang tidak dapat dikawal oleh remaja itu sendiri.

Pengkaji berpendapat, kumpulan remaja ini sewajarnya bijak ketika merangka dan memilih jalan penyelesaian dalam sesuatu keadaan mahupun situasi. Strategi kemahiran berdaya tindak amat diperlukan sebagai penyelesaian kepada situasi yang menekan agar tidak menjadi lebih parah seterusnya boleh membawa kepada kemurungan. Walsh dan Fortier DiLillo, (2010) dipetik dalam Zunnur (2015) mengatakan daya tindak boleh didefinisikan dengan kepelbagaian cara berfikir dan tingkah laku yang dipilih ketika berada dalam situasi yang memberikan tekanan dalaman dan luaran dan telah dibincangkan dengan meluas oleh Folkman dan Lazarus sejak tahun 1980.

Di samping itu, strategi daya tindak adalah sebagai alternatif yang diambil dan digunakan oleh para murid dalam menangani masalah tekanan yang dirasakan. Melanie (2017) menyatakan terdapat pelbagai cara untuk menangani tekanan dan ianya sangat penting kepada setiap individu. Dua kategori strategi daya tindak iaitu berbentuk positif dan berbentuk negatif. Strategi daya tindak berbentuk positif adalah seperti bertindak untuk mendapatkan sokongan sosial. Manakala strategi daya tindak berbentuk negatif

seperti berputus asa tanpa berusaha mencari pelbagai alternatif bagi menangani masalah yang dihadapi seterusnya membawa kepada bunuh diri. Ianya boleh meninggalkan kesan kepada fizikal dan mental seseorang. Dalam usaha untuk memahami sebab sesetengah individu dapat menangani tekanan dengan lebih baik berbanding dengan orang lain, ahli-ahli psikologi telah mencuba untuk melihat aspek strategi daya tindak yang dipilih oleh individu untuk berdaya tindak dengan tekanan.

Kajian oleh Melissa dan Balan (2019) menurut Parsons, Frydenberg dan Poole (1996), menyatakan daya tindak yang dipilih mempunyai peranan penting terhadap persepsi kesejahteraan psikologi individu. Seseorang boleh menghadapi tekanan atau mengurangkan situasi yang menekan dengan menggunakan daya tindak. Pemilihan daya tindak adalah berbeza mengikut individu dan kesesuaian situasi. Dengan adanya strategi daya tindak, setiap perbuatan, pemikiran dan jaringan seseorang dengan persekitaran dapat dikendalikan dengan baik.

Kemajuan kehidupan hari ini begitu pantas sehingga menjadikan manusia terpaksa melalui perubahan yang berlaku. Dalam meniti kehidupan, manusia sentiasa berhadapan dengan cabaran iaitu tekanan kesan daripada ingin menyesuaikan diri dengan situasi persekitaran. Menurut Folkman (2010) juga menjelaskan tentang strategi daya tindak menjadi metod dinamik yang dapat berkembang apabila individu melalui pengalaman yang menghampakan dan ianya boleh berkesinambungan sekiranya wujud komposisi sokongan sebagai penggerak untuk individu kembali bersemangat dan



bermotivasi. Ianya bergantung bagaimana individu dapat bertoleransi dengan persekitaran yang dialami.

Manakala, menurut Ong dan Zautra (2010) dalam kajian oleh Dharatun (2017) juga menunjukkan bukti empirikal yang menjelaskan aspek daya tahan, strategi daya tindak dan emosi positif seseorang sewaktu menghadapi situasi tertekan mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Setiap strategi mempunyai peringkat keberkesanan yang tersendiri. Seterusnya, menurut Sunday (2014) dalam Shahril (2019) telah menjelaskan bahawa tekanan merupakan satu corak desakan yang sangat perlu dilaksanakan atas usaha untuk menyesuaikan kognitif serta tingkah laku. Sesuatu tekanan akan mendatangkan kesan yang positif sekiranya individu dapat menerima dan menangani tekanan tersebut. Oleh itu, kesan tekanan yang dialami oleh individu adalah bergantung kepada penerima pengurusan terhadap tekanan tersebut.

Dengan yang demikian, penerapan strategi daya tindak dalam mengatasi tekanan yang dilalui adalah sangat penting dan ianya turut bergantung kepada personaliti yang dipunyai oleh individu tentang penerima tekanan yang dihadapi sama ada penerimaan secara positif mahupun negatif dan ianya bergantung kepada strategi daya tindak yang diambil dan digunakan untuk menangani sesuatu permasalahan yang membawa kepada tekanan bagi remaja.





1.3 Permasalahan Kajian

Hakikat yang kita ketahui, setiap individu di dunia ini semestinya bakal menghadapi tekanan mahupun telah mengalami tekanan dengan erti kata lainnya, kemelut dalam kehidupan harian. Tekanan boleh dihadapi setiap manusia, tidak mengira darjat dan pangkat di peringkat paling bawah sehinggalah peringkat lebih tinggi. Isu tekanan banyak melanda masyarakat dan dibincangkan dalam pelbagai medium, senario ini tidak lagi dianggap terpencil bahkan menjadi fokus utama diseluruh dunia termasuk Malaysia. Setiap golongan tidak terkecuali terutamanya golongan murid remaja yang tertekan dengan kehidupannya sebagai murid dengan menganggap bahawa diri mereka perlu menggapai pelbagai perkara iaitu cemerlang dari aspek akademik, kokurikulum, sahsiah dan lain-lain.



Sanjeev dan Bhukar, (2013) dalam kajiannya menjelaskan bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara peringkat tekanan mengikut jantina. Berdasarkan kajian lepas Md Daud, Nur Syuhada dan Roshayati (2016) menyatakan tekanan di kalangan murid memperlihatkan tekanan mempunyai hubungan dengan pembelajaran misalnya desakan kepada murid untuk bersaing dalam pencapaian akademik dan memenuhi ketentuan peranan yang diberikan. Mereka juga perlu memenangi hati rakan agar diri diterima rakan sebaya. Remaja atau murid tekanan apabila memikirkan kehidupan masa depan selepas tamat persekolahan. Mereka tidak pasti sama ada peluang pekerjaan wujud di luar sana atau tidak. (Berita harian, 2 Jan 2018).





Dalam pada itu, sesetengah remaja pula tidak dapat mengharmoniskan diri dengan transisi dalam tempoh membentuk peribadi. Tanpa sokongan dan dorongan ibu bapa, mereka mula berasakan diri kosong serta lain daripada orang lain. (Berita harian, 17 September 2018). Seterusnya, Baiduri Youshan dan Zubair Hassan (2015) telah melaporkan dalam kajiannya iaitu personaliti adalah set ciri dinamik yang dipunyai individu dan mempengaruhi kognitif, motivasi dan perwatakan dalam pelbagai situasi. Manakala, krisis identiti juga menjadi penyebab remaja lari dari rumah. Penyebab utama remaja lari dari rumah disebabkan adanya tekanan dalam keluarga, mudah dipengaruhi oleh kawan, merasa ingin bebas kerana apabila berada di rumah individu ini berasa terkongkong, Punca lainnya tidak sefahaman dengan keluarga, bosan dan kurang kasih sayang. Remaja yang terlibat dengan kecelaruan ini secara tidak langsung menjadi beban kepada masyarakat dan negara. (Mohd Fadzil Che Din, Berita Harian, 2016).



Pada waktu yang sama, kajian daripada Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapati prevalen isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas adalah 29.2 % (anggaran 4.2 juta). Ini bermaksud 1 dalam 3 masyarakat Malaysia menghadapi isu yang berkaitan dengan masalah mental. Kajian ini turut menunjukkan bahawa prevalen masalah kesihatan mental juga adalah tertinggi bagi mereka yang berumur 16-19 tahun dan dalam golongan berpendapatan rendah. (Menteri Kesihatan Malaysia, 28 November 2016)





Golongan murid merupakan golongan yang tidak terkecuali dalam menghadapi masalah tekanan. Daya tindak dimaksudkan dengan cara berfikir dan tingkah laku yang dipilih dalam menghadapi situasi sama ada tekanan dalaman mahupun tekanan luaran. (Lazarus & Folkman, 1984). Pernyataan ini disokong oleh Lin dan Huang (2014) yang melaporkan bahawa tekanan boleh memberi kesan terhadap fizikal mahupun mental setiap individu.



Statistik Tinjauan *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) 2017 yang lepas telah memperlihatkan keadaan kesihatan mental dalam kalangan murid remaja yang semakin mencemaskan. Tindakan mahu membunuh diri dalam kalangan usia remaja mengalami peningkatan sejak kajian NHMS 2012 lagi. Lebih mengejutkan apabila ia mencatatkan angka tertinggi berlaku dalam kalangan murid tingkatan satu. Selain itu, NHMS 2017 juga melaporkan bahawa terdapat anak remaja berusia 13 hingga 17 tahun yang menghidap masalah kesihatan mental. Satu dalam setiap lima orang mengalami kemurungan dua dalam setiap lima orang dilanda simpton keresahan dan satu dalam setiap 10 orang mendapat tekanan. Lantaran itu, perkara ini perlu diberikan perhatian khusus demi membentuk peribadi anak yang lebih kental dan tabah dari aspek emosi, sukar menyerah, bijak menangani permasalahan seterusnya menjadikan mereka berdaya saing pada masa hadapan kelak. (MyMetro, 28 September 2018) Beberapa penelitian telah dibuat berdasarkan kajian lepas. Jayanthi, Thirunavakarasu dan Rajkumar (2015) telah mendapati bahawa tekanan boleh mengakibatkan murid kemurungan.



Keterbatasan pengalaman dan pergaulan hidup membentuk kerangka pemikiran para remaja. Hal ini kerana remaja hanya berinteraksi dengan individu dipersekitarannya dan banyak meluangkan masa bersama keluarga, rakan sebaya dan kebanyakan masanya adalah berada di sekolah. Oleh yang demikian perlulah kajian seperti ini untuk melihat strategi yang digunakan untuk murid yang mempunyai trait personaliti seperti yang diterangkan dalam lima dimensi personaliti *Big Five* bagi menangani tekanan yang dihadapi. Seiring dengan Falsafah Pendidikan ini, para pendidik perlu melahirkan murid yang cemerlang dari semua aspek. Dengan demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah wujudkah hubungan antara personaliti dan strategi daya tindak terhadap tekanan murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Harian (SMK) di daerah Setiu. Dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui tahap tekanan, hubungan dan perbezaan yang mungkin wujud antara personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah tujuan khusus yang harus dicapai dalam sesuatu pemyelidikan.

Objektif yang jelas dapat menunjukkan matlamat yang hendak dicapai.

Objektif dalam kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti tahap tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.

- 1.4.2 Mengenal pasti perbezaan strategi daya tindak mengikut jantina murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.
- 1.4.3 Mengenal pasti hubungan personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah tahap tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan strategi daya tindak mengikut jantina murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.
- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan personaliti dan strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.

1.6 Hipotesis Kajian


Hipotesis nol (H_0) telah dibentuk untuk menjawab objektif kajian iaitu:

1.6.1 Tidak terdapat perbezaan strategi daya tindak mengikut jantina dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.

1.6.2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu.

1.6.3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi daya tindak dengan tekanan dalam kalangan murid tingkatan empat aliran Sains Sekolah Menengah

1.7 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian mengikut tujuan dan kehendak kajian. Terdapat dua pemboleh ubah yang telah pengkaji nyatakan dalam kerangka konseptual ini. Antaranya adalah pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada personaliti dan strategi daya tindak. Manakala, pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tekanan murid tingkatan empat aliran sains.

1.8 Definisi Secara Konseptual Dan Operasional

Terdapat beberapa istilah yang memberi takrifan tersendiri bagi menjelaskan tentang perkara yang ingin dikaji di dalam kajian ini. Istilah-istilah berikut dijelaskan seperti personaliti, strategi daya tindak dan tekanan.

1.8.1 Definisi Personaliti Secara Konseptual

Zulelawati dan Yusni (2015) menyatakan personaliti adalah perwatakan, keperibadian dan sahsiah yang dipunyai setiap manusia. Ianya adalah kriteria bentuk perlakuan dan ciri telah diwujudkan serta dipraktikan sewaktu menajalani kehidupan seharian. Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Ravi (2015) pula menyatakan personaliti merupakan kelompok ciri-ciri yang berada dalam diri dan menjadi seseorang itu unik.

Seterusnya, dalam Enoch Ang (2017), personaliti “*Big Five*” dapat diperlihatkan melalui teori *Big Five* yang dibangkitkan oleh Paul Costa, Jr dan Robert Mc Crea (1995). Lima dimensi utama tret personaliti individu telah dibahagikan seperti *Extraversion* iaitu bersifat sosial dengan kata lainnya seorang yang ramah (suka bergaul), *Neuroticism* iaitu mempunyai ketidakstabilan emosi, *Openness* pula mempunyai sifat terbuka, *Agreeableness* pula dieertikan perwatakan persetujuan pendapat yang sama (senang mencapai persetujuan), *Conscientiousness* iaitu mempunyai kesedaran. Kaedah ini telah digunakan oleh ramai penyelidik yang ingin menguji personaliti dan biasanya digunakan untuk membangunkan ujian personaliti bagi menguji tret personaliti individu.

1.8.2 Definisi Personaliti Secara Operasional

Takrifan secara operasionalnya, personaliti yang dikaji oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada Model Personaliti lima dimensi seperti Personaliti “*Big Five*” yang mempunyai lima dimensi personaliti ialah *Openness to experience*, *Extraversion*, *Agreeableness*, *Conscientiousness*, dan *Neuroticism*.

Umumnya, personaliti ialah perkaitan antara emosi, akhlak, pemikiran, motivasi diri, dan perasaan dengan perlakuan manusia. Kesemua elemen ini mempamerkan sikap individu terbabit seterusnya tergambar personaliti luaran individu.

1.8.3 Definisi Strategi Daya Tindak Secara Konseptual

Dalam Ferlis Bullare, et al (2015), berdasarkan pernyataan Folkman (1984) mendefinisikan daya tindak merupakan satu cara atau kaedah kognitif serta perlakuan dalam mengawal serta mengurung keinginan luaran dan dalaman terjadi kesan daripada transaksi tekanan. Menurutnya lagi, daya tindak ditakrifkan sebagai satu corak tindak balas seseorang ketika berada dalam situasi yang memberi tekanan.

1.8.4 Definisi Strategi Daya Tindak Secara Operasional

Di dalam kajian ini strategi daya tindak merujuk kepada mekanisme ketika menghadapi tekanan atau langkah murid tingkatan empat aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu menangani tekanan. Strategi daya tindak dalam kajian ini terbahagi kepada dua, pertama *problem-focused coping*. Manakala, yang kedua adalah *emotion-focused coping*. Dengan menggunakan pendekatan *problem-focused coping* seseorang tersebut cuba untuk menangani dan mengubah punca tekanan yang berlaku misalnya dengan mencari penyelesaian yang sewajarnya. Manakala, *emotion-focused coping* seseorang mengatasi tekanan dengan cara mengawal perasaan atau emosi supaya dapat menerima tekanan yang wujud dengan lapang.

1.8.5 Definisi Tekanan Secara Konseptual

Lumban Gaol (2016) merujuk kepada (cannon 1914) mendefinisikan tekanan sebagai respon tubuh terhadap sesuatu situasi. Ianya juga dianggap sebagai gangguan homeostatis yang mengakibatkan perubahan kepada keseimbangan fisiologi yang dihasilkan melalui rangsangan terhadap fizikal dan psikologi individu. Manakala, menurut Norazila Mat, Noridayu Idris, Atiqah Abdullah, Zaleha Yazid dan Jamsari Alias (2018) berlandaskan Othman dan Sipon (2012), tekanan dapat ditakrifkan sebagai tindak balas secara fizikal, emosi, kognitif dan sikap murid terhadap keadaan yang dikatakan memberi ancaman kepada dirinya. Tekanan ini merupakan keadaan yang menjadikan murid merasa dalam ketegangan fizikal dan psikologi disebabkan oleh pelbagai perkara yang tidak dapat diurus dan mencapai had keupayaan murid untuk menanganinya.

1.8.6 Definisi Tekanan Secara Operasional

Tekanan secara keseluruhannya dapat didefinisikan sebagai gangguan fisiologi, emosi, intelek, interpersonal dan psikologi akibat daripada pelbagai faktor. Gangguan emosi ini termasuklah tekanan yang akan menjejaskan kesihatan tubuh badan. Gangguan psikologi pula akan mengakibatkan tekanan dan gangguan emosi, fikiran ataupun intelektual, tingkah laku dan juga interpersonal seseorang. Tekanan juga lebih mendatangkan kesan buruk daripada kesan baik. Ini kerana individu yang tidak mampu mengatasi tekanan



dengan baik akan mengalami tekanan perasaan serta tidak mampu bertindak secara formal dan berupaya mencetuskan episod kemurungan sekiranya tidak dikawal.

1.9 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati ianya dapat membantu murid mengenal pasti tahap tekanan serta menggunakan strategi daya tindak ketika berada dalam sesuatu keadaan yang berbeza. Kajian oleh Sabhita (1995) berpendapat bahawa tekanan dapat dikurangkan dengan adanya penggunaan strategi daya tindak kerana ianya dapat merangsang pemikiran serta sikap seseorang secara positif.



Kepentingan kajian yang pertama adalah kepada murid remaja dan masyarakat. Hasil dapatan kajian ini diharapkan mampu untuk memberikan cadangan dan ilmu yang berguna kepada para murid mahupun masyarakat sekeliling dalam mengawal tekanan yang dihadapi dan mengelak daripada berlakunya tekanan. Selain itu, personaliti yang negatif dapat dibentuk menjadi positif agar tidak berlakunya tekanan yang melampau. Hal ini disebabkan perkembangan murid turut dipengaruhi oleh persekitarannya. Tambahan lagi, tahap tekanan yang dihadapi oleh murid dapat dikesan awal supaya ianya tidak berlarutan sehingga menjejaskan kehidupan murid terbabit. Oleh yang demikian masyarakat sekeliling seharusnya peka dengan keadaan remaja dipersekitaran mereka.



Kepentingan kajian yang kedua adalah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, guru dan sekolah. Kajian ini dijangka dapat mengesan tahap tekanan dan dikaitkan dengan personaliti murid. Personaliti yang positif juga dapat dibentuk agar tekanan dapat dikawal. Pada waktu yang sama, kita juga dapat membongkarkan dengan lebih mendalam tentang seseorang murid dari segi perbezaan individu dalam bertingkah laku, perkembangan, pengalaman dan sebagainya. Tambahan lagi, ia boleh membantu guru-guru dan pihak sekolah dalam membimbing anak-anak ke arah personaliti yang baik dan mengelak daripada memberi tugas yang membebankan murid tanpa disedari. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, guru dan sekolah dapat merangka pelbagai aktiviti yang lebih efektif serta mengubahsuai strategi pengajaran pembelajaran mengikut kesesuaian murid agar murid dapat menangani tekanan menggunakan strategi daya tindak yang sewajarnya dan mengawal emosi selain membentuk personaliti yang baik seiring dengan kehendak falsafah pendidikan yang tertulis sebagai panduan.

Kepentingan kajian yang ketiga kepada ibubapa. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada ibu bapa supaya mereka dapat memantau dan meluangkan masa bersama murid dengan mengambil berat akan aktiviti harian anak dan mendengar luahan mereka yang mungkin menjadi beban dalam diri mereka. Selain itu, ibu bapa dapat merangka pelbagai aktiviti bersama seperti riadah dan sebagainya dalam pengurusan tekanan dan cara mengelak mendapat tekanan yang tidak dapat diterima oleh mental.

Dengan demikian kajian hubungan strategi daya tindak dan personaliti terhadap stres perlu dijalankan agar dapat memberi panduan dan sumbangan kepada para murid kelak dengan adanya pelbagai usaha dari pihak berwajib bagi mengawal dan mengurangkan tekanan atau *stress* yang dihadapi sehingga mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai murid dengan baik tanpa permasalahan yang rumit.

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian pertama adalah kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang terbatas kepada sekolah menengah di satu daerah sahaja kerana terhad dari segi kekangan masa, kewangan, populasi sampel dan tenaga penyelidik. Kajian ini juga hanya melibatkan responden murid sahaja dan tidak melibatkan golongan bekerja mahupun penganggur. Responden juga hanyalah melibatkan murid remaja tingkatan empat aliran sains sahaja. Fokus kajian adalah tahap tekanan, perbezaan strategi daya tindak mengikut jantina, hubungan antara personaliti, strategi daya tindak dengan tekanan yang dihadapi oleh murid tingkatan empat aliran sains sahaja.

Batasan kajian kedua adalah penggunaan instrumen, hanya soal selidik sahaja digunakan bagi mendapatkan maklumat responden. Hal ini disebabkan kerana saiz sampel yang banyak bertepatan dengan ciri-ciri atau pemboleh ubah yang ingin diukur dan bersesuaian dengan penggunaan soal selidik. Kemampuan soal selidik ke atas sampel

yang banyak boleh meluaskan ketepatan jangkaan statistik sampel kajian untuk menganggar kriteria populasi. Pengkaji menggunakan set soal selidik bagi membantu meringankan bejat belanjawan, mengurangkan penggunaan tenaga dan masa sewaktu proses pengumpulan data.

1.11 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini menerangkan secara keseluruhan tujuan kajian ini dilaksanakan. Penerangan tentang latar belakang, permasalahan, objektif, persoalan, hipotesis, batasan, kepentingan serta pengertian dari segi konseptual dan operational strategi daya tindak, personaliti dan tekanan kalangan murid aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Setiu yang berada di tingkatan empat. Permasalahan kajian dibincangkan berdasarkan isu-isu semasa dan kajian lepas sekaligus membentuk hipotesis kajian untuk diuji sama ada ianya selari berlandaskan objektif kajian dan persoalan yang dibina oleh pengkaji. Kajian-kajian terhadap pemboleh ubah- pemboleh ubah ini kurang dikaji di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini dijalankan berikutan dengan isu-isu masyarakat yang sering mengalami tekanan di era globalisasi ini. Diharapkan kajian ini dapat menambah dapatan emperikal berkaitan antara Strategi Daya Tindak dengan Personaliti Terhadap Tekanan di kalangan murid dan mampu melahirkan generasi yang sihat dari pelbagai aspek terutamanya mental, rohani mahupun fizikal.